

26 APR 2001

Syed Hamid-Thai

M'SIA TAK DESAK THAILAND MULAKAN PROJEK PAIP GAS DALAM TIGA BULAN

JOHOR BAHRU, 26 April (Bernama) -- Malaysia tidak mendesak Thailand untuk memulakan projek saluran paip gas Trans Thai-Malaysia dalam tempoh tiga bulan akan datang tetapi telah membangkitkan soal beban kos tambahan yang terpaksa ditanggung oleh Petronas jika projek itu terus tertangguh.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra sedar tentang masalah kos yang lebih berat itu apabila perkara itu dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pada pertemuan kedua-dua pemimpin itu di Putrajaya Selasa lepas.

"Dalam hal ini, yang paling penting ialah kedua-dua pihak pada perbincangan kedua-dua perdana menteri itu berminat supaya projek itu diteruskan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Menurut Syed Hamid, Malaysia amat menghargai kesediaan Thailand untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi kelewatan projek itu, sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh Thaksin.

"Daripada segi jangka masa (tentang bila projek itu dapat dimulakan), kita serahkan kepada beliaulah...tak dapat dalam tiga bulan inipun tak apalah," katanya.

Syed Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas laporan agensi berita dari Bangkok yang memetik Thaksin sebagai menafikan bahawa beliau memberi jaminan projek saluran paip gas itu dapat dimulakan dalam masa tiga bulan.

Thaksin dilaporkan berkata beliau tidak menjanjikan tempoh tiga bulan kepada kerajaan Malaysia untuk menyelesaikan masalah pelaksanaan projek saluran paip gas itu.

Menurut laporan itu, Thaksin berkata beliau memberitahu pegawai-pegawai Malaysia bahawa konsesi bagi pembinaan saluran gas di sepanjang sempadan Malaysia-Thai telah diberikan kepada sebuah syarikat swasta dan Malaysia memahami masalah yang dihadapi oleh Thailand dan tidak mahu projek itu mencetuskan perbalahan antara kerajaan dan orang ramai.

Pemimpin Thai itu dipetik sebagai berkata beliau mengaku kepada pegawai-pegawai Malaysia bahawa beliau tidak tahu sangat tentang butiran projek itu kerana baru saja menjadi Perdana Menteri dan beliau perlukan sedikit masa atau sekitar tiga bulan untuk mengkajinya sebelum memberi arahan yang lebih jelas mengenai pelaksanaan projek itu.

Syed Hamid dalam taklimat kepada wartawan Malaysia selepas pertemuan antara Thaksin dan Dr Mahathir telah berkata bahawa pemimpin Thai itu memberi jaminan akan menyelesaikan segera isu laporan Kajian Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA) yang dikatakan menjadi antara punca kelewatan itu.

Syed Hamid berkata Malaysia memahami hasrat kerajaan Thailand untuk menjalankan kempen kesedaran mengenai projek itu di kalangan rakyatnya dan proses mendapatkan pandangan awam serta meneliti laporan EIA mungkin memakan masa.

Projek bernilai RM4 bilion itu melibatkan saluran paip gas dan penapisan yang dimajukan di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand.

Gas dari lapangan Cakerawala di kawasan pembangunan bersama itu dirancang disalurkan menerusi paip dari luar pantai Songkhla ke Bukit Kayu Hitam melalui kawasan sejauh 350 kilometer.

Ia merupakan projek usaha sama antara Petronas dan Pihak Berkuasa Petroleum Thailand.

-- BERNAMA

MNY MNY MAI